- 5.6 Untuk mengelakkan keraguan, kami tidak akan diwajibkan untuk mengambil langkah pengesahan dalam Fasal 5.5. Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan, liabiliti atau perbelanjaan yang dialami atau ditanggung oleh anda yang timbul, secara langsung atau tidak langsung, daripada sebarang langkah pengesahan yang diambil oleh kami mengikut Fasal 5.5.

6 Terma Pihak Ketiga

- 6.1 Selangkah mungkin memerlukan, mengaktifkan, menyediakan, atau memudahkan akses ke atau penggunaan laman web, perisian atau perkhidmatan pihak ketiga ("Pihak Ketiga"), termasuk Perkhidmatan Khusus dan Kedai Dalam Talian Yang Diluluskan, dan dapat digunakan dalam kombinasi dengan perisian atau perkhidmatan pihak ketiga berkenaan untuk mengenal pasti, mengesahkan, dan/atau memberi kuasa kepada pengguna secara elektronik sebelum mereka mengakses atau menggunakan Perkhidmatan Khusus oleh Penyedia Perkhidmatan Yang Diluluskan. Dalam keadaan seperti ini, mungkin ada terma tambahan yang mengatur akses atau penggunaan berkenaan ("Terma Pihak Ketiga") yang akan mengikat kami atau anda atau kedua-duanya. Contohnya –
- a) jika anda memilih untuk memuat turun Selangkah Mobile dari Google Play, syarat perkhidmatan yang berkaitan daripada Google LLC akan terpakai;
 - b) jika anda memilih untuk menjadi Pedagang di Selangkah Biz, syarat perkhidmatan yang berkaitan daripada Kiplepay Sdn Bhd akan terpakai;
 - c) jika anda menggunakan Selangkah Pay untuk berurusan dengan Agensi Awam, syarat perkhidmatan yang berkaitan daripada Kiplepay Sdn Bhd akan terpakai;
 - d) jika anda menggunakan Selangkah Wallet untuk berurusan dengan Agensi Awam, syarat perkhidmatan yang berkaitan daripada Kiplepay Sdn Bhd akan terpakai.
- 6.2 Adalah menjadi tanggungjawab anda untuk memeriksa dan membaca versi Terma Pihak Ketiga ini yang terkini dan anda dianggap mempunyai pemberitahuan yang sama. Khususnya, anda dianggap memiliki pemberitahuan mengenai sebarang terma yang kami (di bawah Terma Pihak Ketiga) diminta untuk memberitahu anda, dan anda setuju untuk terikat dengan semua kewajiban dalam Terma Pihak Ketiga yang relevan dengan anda sebagai pengguna akhir.
- 6.3 Jika Terma Pihak Ketiga memerlukan anda untuk memasuki perjanjian secara langsung dengan Pihak Ketiga berkenaan, kemudian anda setuju untuk memasuki perjanjian itu, dan dalam sebarang situasi, terikat secara sah oleh Terma Pihak Ketiga.

- 6.4 Anda bersetuju untuk mengganti rugi dan menjadikan kami tidak berbahaya terhadap semua tuntutan, tindakan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan (termasuk kos undang-undang berdasarkan ganti rugi) bagaimana sekalipun timbul daripada atau berkaitan dengan akses atau penggunaan anda terhadap laman web, perisian atau perkhidmatan Pihak Ketiga atau ketidakpatuhan anda kepada Terma Pihak Ketiga atau Terma Yang Digabungkan yang menyebabkan kami atau Pihak Ketiga relevan untuk melanggari sebarang Terma Pihak Ketiga.
- 6.5 Anda tidak akan membuat kami bertanggungjawab atas sebarang kerosakan atau apa jua kehilangan yang disebabkan oleh (secara langsung atau tidak langsung) penggunaan laman web, perisian atau perkhidmatan Pihak Ketiga, termasuklah sebarang kerosakan atau kerugian yang dialami akibat kebergantungan pada kandungan yang terkandung dalam atau tersedia daripada laman web, perisian atau perkhidmatan Pihak Ketiga.
- 6.6 Untuk mengelakkan keraguan, tiada apa dalam Ciri Selangkah atau Selangkah akan dianggap sebagai sokongan, perwakilan atau jaminan oleh kami berkenaan dengan mana-mana Pihak Ketiga atau sebarang kandungan, produk, perkhidmatan atau sebaliknya oleh Pihak Ketiga, walaupun jika laman web, perisian dan perkhidmatan Pihak Ketiga mungkin memerlukan penggunaan Selangkah. Kami tidak membuat perwakilan atau jaminan mengenai ketersediaan atau kandungan (termasuklah kebenaran, ketepatan, kelengkapan, ketepatan waktu atau kebolehpercayaannya) dalam kandungan, produk, perkhidmatan dan sebaliknya oleh Pihak Ketiga ini dan sebarang penggunaan atau kebergantungan yang sama oleh anda adalah di atas risiko anda sendiri sepenuhnya.

7 Harta Intelekt

- 7.1 Anda akui bahawa kami, atau Pihak Ketiga yang relevan, memiliki semua hak milik, hak dan minat, termasuklah Hak Harta Intelekt, dalam dan bagi Selangkah dan Ciri Selangkah, termasuklah sebarang perisian dalaman, dan sebarang Kandungan yang disediakan atau boleh diakses melalui Selangkah. Anda tidak akan bertindak atau membenarkan sebarang tindakan yang berkemungkinan secara langsung atau tidak langsung akan mengehadkan hak, hak milik atau kepentingan kami atau Pihak Ketiga yang relevan (berdasarkan situasi), dalam atau yang sama. Melainkan dinyatakan dengan jelas dibenarkan dari segi undang-undang, anda bersetuju untuk tidak mengubah, menyesuaikan, menterjemah, menyediakan karya terbitan daripada, atau menguraikan, *reverse engineer*, membongkar atau sebaliknya mencuba untuk mendapatkan kod sumber daripada, Selangkah atau Ciri Selangkah. Tanpa mengehad atau disebut sebelum ini, anda tidak akan menggunakan dalam apa jua cara dan tidak akan mengeluarkan semula sebarang tanda dagangan, logo, nama dagang dan/atau tanda yang serupa seperti yang dikaitkan dengan Selangkah, tanpa persetujuan bertulis daripada kami sebelum itu, atau persetujuan bertulis daripada Pihak Ketiga yang relevan (berdasarkan situasi).
- 7.2 Kami juga bersetuju untuk tidak memadamkan, menutup, atau mengubah notis hak cipta kami atau Pihak Ketiga, tanda dagangan atau notis hak milik yang lain yang terkandung, dipakai atau disediakan atau boleh diakses bersempena atau melalui Selangkah.

- 7.3 Kami tidak mewakili atau menjamin bahawa penggunaan Selangkah atau Ciri Selangkah oleh anda tidak akan menjadi suatu pelanggaran atau penyalahgunaan mana-mana hak pihak ketiga, termasuklah Hak Harta Intelekt.
- 7.4 Tiada bahagian Selangkah atau Ciri Selangkah boleh dikeluarkan atau digunakan semula tanpa kebenaran bertulis daripada kami sebelum itu.

8 Kandungan Yang Dihasilkan

- 8.1 Anda mungkin diminta untuk mencipta, menjana, berkongsi, menghantar atau menyiarkan sesetengah Kandungan dalam tempoh anda Penggunaan Selangkah atau Ciri Selangkah (“Kandungan Yang Dihasilkan”). Contoh Kandungan ini termasuklah maklumat peribadi, maklumat perhubungan, respons, maklum balas atau maklumat lain yang disediakan oleh anda atau melalui Data Profil adna ketika menggunakan Selangkah atau Ciri Selangkah. Anda setuju bahawa anda akan terus mengekalkan pemilikan dan kawalan sepenuhnya bagi Kandungan Yang Dihasilkan dan kami tidak menuntut sebarang pemilikan terhadap mana-mana yang berkenaan. Anda memberikan kepada kami, Penyedia Perkhidmatan Yang Diluluskan, dan mana-mana Pihak Ketiga yang relevan hak dan lesen tidak eksklusif, antarabangsa dan bebas royalti untuk menangani Kandungan Yang Dihasilkan bagi tujuan menyediakan anda dengan Selangkah, dan sebarang tujuan yang secara kebetulan atau berkaitan. Ini termasuklah –
- a) perkongsian atau pemindahan Kandungan Yang Dihasilkan kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang kami atau Pihak Ketiga relevan mungkin libatkan untuk tujuan menyediakan anda dengan Selangkah dan Ciri Selangkah;
 - b) menyimpan atau membuat sandaran bagi Kandungan Yang Dihasilkan di dalam pangkalan data atau pelayan (sama ada di dalam atau di luar Malaysia) yang dimiliki, dioperasi atau diurus oleh kami, Pihak Ketiga yang relevan atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang kami atau Pihak Ketiga relevan libatkan.
 - c) di mana anda telah menunjukkan persetujuan untuk melakukannya, untuk berkongsi, memindah atau mendedahkan Kandungan Yang Dihasilkan dengan Penerima Yang Diluluskan menerusi penggunaan Selangkah ID
- 8.2 Kami akan mempunyai hak untuk memproses, mengubahsuai, membuang dan memadam sebarang Kandungan Yang Dihasilkan pada bila-bila masa, untuk sebarang atau tiada sebab sekalipun, dan tanpa pemberitahuan kepada anda. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap anda dalam apa jua cara sekalipun jika kami melakukan perkara ini.
- 8.3 Tanpa mengehadkan Fasal 12 (Kenyataan Privasi), anda bersetuju bahawa ia merupakan tanggungjawab anda untuk memastikan yang Kandungan Yang Dihasilkan adalah lengkap, tepat, benar dan betul. Jika anda memilih untuk bergantung kepada data peribadi yang terkandung di dalam Kandungan Yang Dihasilkan untuk tujuan sebarang Perkhidmatan Khusus, ia merupakan tanggungjawab anda untuk memastikan semua data peribadi yang dihantar untuk tujuan-tujuan transaksi ini atau Perkhidmatan Khusus adalah lengkap, tepat, benar dan betul. Anda akan bertanggungjawab ke atas sebarang dan semua kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang dialami oleh anda, kami atau mana-mana pihak ketiga, yang diakibatkan oleh atau berkaitan dengan data peribadi yang tidak lengkap, tepat, benar dan betul dan kami tidak

akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kos, perbelanjaan dan kerosakan.

9 Persetujuan Anda untuk Mengakses Fungsi Peranti Anda

- 9.1 Penggunaan Selangkah atau Ciri Selangkah melalui Peranti anda mungkin memerlukan anda untuk –
- a) mempunyai sambungan internet yang mencukupi;
 - b) mempunyai Peranti Yang Serasi; dan
 - c) memberi akses oleh Selangkah atau Ciri Selangkah kepada fungsi tertentu di dalam Peranti anda yang mana fungsi berkenaan tersedia, seperti kamera Peranti, pemberitahuan segera, mendapatkan lokasi atau nombor telefon anda, atau koleksi data daripada anda yang berkaitan dengan Selangkah atau Ciri Selangkah. Sila rujuk Fasal 12 (Kenyataan Privasi). Penggunaan Selangkah atau Ciri Selangkah anda akan membentuk persetujuan anda bagi akses oleh Selangkah atau Ciri Selangkah untuk fungsi berkenaan dalam Peranti anda sepertimana yang diperlukan secara munasabah oleh Selangkah atau Ciri Selangkah.
- 9.2 Anda tidak boleh menggunakan fungsi Selangkah atau Ciri Selangkah yang tertentu jika anda tidak mematuhi keperluan yang dinyatakan dalam Fasal 9.1. Contohnya, fungsi imbasan kod QR dalam Selangkah Mobile menggunakan fungsi kamera Peranti Mudah Alih Yang Didaftarkan milik anda untuk mengimbas dan menangkap kod QR bagi membolehkan anda mencipta Kandungan atau mengakses Perkhidmatan Khusus melalui Selangkah Mobile. Anda akan perlu memberikan Selangkah Mobile kebenaran untuk mengakses kamera Peranti Mudah Alih Yang Didaftarkan milik anda supaya fungsi imbasan kod QR ini berjaya digunakan.

10 Penafian terhadap Waranti, Perwakilan dan Liabiliti

- 10.1 Selangkah dan Ciri Selangkah disediakan dalam basis “seperti itu” dan “seperti tersedia” tanpa apa jua waranti. Ketersampaian dan operasi Selangkah dan Ciri Selangkah mungkin bergantung kepada teknologi di luar kawalan kami. Hingga ke tahap yang dibenarkan oleh undang-undang, kami tidak membuat sebarang perwakilan atau apa jua waranti yang berkaitan dengan Selangkah atau Ciri Selangkah dan menafikan semua jenis waranti tersurat, tersirat dan statutori kepada anda atau mana-mana pihak ketiga, sama ada ia timbul daripada penggunaan atau kastam atau dagang atau daripada operasi undang-undang atau sebaliknya, termasuklah sebarang perwakilan atau waranti –
- a) sepertimana kejituan, kelengkapan, ketepatan, mata wang, ketepatan masa, kebolehpercayaan, ketersediaan, saling kendali, keselamatan, kebebasan daripada pelanggaran, hak milik, kebolehdagangan, kualiti atau kelayakan untuk mana-mana tujuan khusus Selangkah dan Ciri Selangkah; atau
 - b) yang Selangkah dan Ciri Selangkah atau mana-mana fungsi atau ciri yang berkaitan akan terus boleh diakses, tanpa gangguan atau tanpa kesilapan, atau kecacatan ini akan dibetulkan atau Selangkah dan Ciri Selangkah dan pelayan mereka sememangnya dan akan bebas daripada virus atau kod, program atau makro yang berniat jahat, memusnahkan atau merosakkan.
- 10.2 Kami tidak akan bertanggungjawab kepada anda atau mana-mana pihak ketiga ke atas sebarang kerosakan atau kerugian dalam apa jua segi dan bagaimana sekalipun puncanya, termasuklah sebarang kerosakan secara langsung atau tidak langsung, istimewa atau turutan, kehilangan mata pencarian, hasil atau

keuntungan, data yang hilang atau rosak, kerosakan ke atas Peranti, perisian atau harta anda yang lain, sama ada disebabkan secara langsung atau tidak langsung berhubungan dengan mana-mana faktor berikut –

- a) penggunaan Selangkah atau Ciri Selangkah anda
- b) sebarang kerugian atau ketiadaan penggunaan Selangkah atau Ciri Selangkah, bagaimana sekalipun puncanya ;
- c) sebarang kemusnahan atau kerosakan bagi mana-mana sistem peralatan atau perisian yang digunakan berkenaan dengan Selangkah atau Ciri Selangkah, sama ada ia kepunyaan kami atau tidak, termasuklah sebarang sistem, pelayan atau terminal elektronik, atau telekomunikasi atau sistem atau rangkaian komunikasi lain;
- d) sebarang penggunaan, penyalahgunaan, tujuan penggunaan atau penyalahgunaan, kerugian, kecurian atau penggunaan sebarang Peranti Mudah Alih Yang Didaftarkan yang tidak dibenarkan;
- e) sebarang penggunaan, penyalahgunaan, tujuan penggunaan atau penyalahgunaan atau penggunaan Selangkah atau Ciri Selangkah yang tidak dibenarkan, termasuklah dengan sebab akses pihak ketiga ke dalam Peranti Mudah Alih Yang Didaftarkan;
- f) komputer atau perkakasan atau sebarang peranti lain (termasuklah mana-mana Peranti Mudah Alih Yang Didaftarkan) tidak berfungsi atau tidak berfungsi dengan betul;
- g) sebarang ketidaktepatan atau ketidaklengkapan dalam, atau kesilapan atau kelalaian di dalam transmisi Ciri Selangkah atau sebarang kandungan yang disediakan dan boleh diakses melalui Selangkah, Ciri Selangkah atau mana-mana Perkhidmatan Khusus;
- h) sebarang kelewatan, kegagalan atau gangguan transmisi bagi Ciri Selangkah atau sebarang Kandungan yang disediakan atau boleh diakses melalui Selangkah, Ciri Selangkah atau mana-mana Perkhidmatan Khusus, sama ada disebabkan oleh kelewatan, kegagalan atau gangguan dalam transmisi di dalam Internet atau sebaliknya;
- i) sebarang keputusan yang dibuat atau tindakan yang diambil oleh anda atau mana-mana pihak ketiga yang bergantung kepada Selangkah, Ciri Selangkah atau mana-mana kenyataan, pendapat, perwakilan, maklumat atau sebarang Kandungan yang disediakan atau boleh diakses melalui Selangkah, Ciri Selangkah atau mana-mana Perkhidmatan Khusus; atau
- j) sebarang virus atau kod, program atau makro yang berniat jahat, memusnahkan atau merosakkan di dalam Selangkah atau Ciri Selangkah.

10.3 Setakat mana Selangkah atau Ciri Selangkah memudahkan atau memerlukan peruntukan, penggunaan atau kefungsiannya, atau disediakan bersempena dengan, produk, perisian, bahan dan/atau perkhidmatan lain, kami tidak membuat perwakilan atau waranti berkaitan dengan produk, perisian, bahan dan/atau perkhidmatan lain (termasuklah sebarang perwakilan atau waranti berkenaan dengan ketetapan masa, kebolehpercayaan, ketersediaan, saling kendali, kualiti, keselamatan, kelayakan untuk sebarang tujuan, kebebasan daripada pelanggaran, kesesuaian atau kejituan).

10.4 Anda akui bahawa penggunaan Selangkah atau Ciri Selangkah mengandungi kemungkinan kesilapan manusia dan mesin, ketidaktepatan, kelalaian, kelewatan, ketiadaan dan kerugian, termasuklah kehilangan data atau Kandungan Yang Dijana secara tidak sengaja yang memperbanyakkan lagi kerugian atau kerosakan yang anda alami, dan anda setuju bahawa anda tidak menyebabkan kami bertanggungjawab dari apa jua segi sekalipun bagi kerugian atau kerosakan ini. Anda setuju bahawa penggunaan Selangkah, Ciri Selangkah dan mana-mana laman web, perisian atau perkhidmatan Pihak Ketiga yang

disediakan bersempena atau melalui Selangkah atau Ciri Selangkah di atas budi bicara dan risiko anda sendiri dan anda akan bertanggungjawab bagi segala kehilangan atau kerosakan yang dialami oleh anda dan Peranti anda, atau kerugian, kerosakan bagi atau kerosakan data yang diakibatkan oleh penggunaan Selangkah, Ciri Selangkah atau laman web, perisian atau perkhidmatan Pihak Ketiga.

- 10.5 Anda tidak akan bergantung kepada Selangkah atau Ciri Selangkah untuk menuntut atau menegaskan sebarang harapan yang sah daripada kami, sama ada atau tidak ia timbul akibat atau sehubungan dengan peranan dan fungsi kami sebagai pihak berkuasa awam.
- 10.6 Maklumat yang disediakan oleh Ciri Selangkah tidak menjadi nasihat profesional dan Ciri Selangkah mungkin tidak meliputi semua maklumat yang tersedia bagi sesuatu isu. Sebelum menggunakan Ciri Selangkah, anda akan melaksanakan pemeriksaan sendiri atau dapatkan nasihat profesional yang relevan dengan situasi anda.
- 10.7 Tanpa prejudis kepada yang disebut tadi, tiada tindakan akan diambil oleh anda terhadap kami, di bawah Terma-Terma ini atau berkaitan dengan Selangkah dan/atau Ciri Selangkah, lebih daripada satu (1) tahun selepas punca tindakan ini timbul.

11 Hiperpautan

- 11.1 Demi kemudahan anda, Ciri Selangkah mungkin menyediakan hiperpautan atau bentuk Capaian Pintas lain (secara kolektif, "Capaian Pintas") yang membolehkan anda untuk mengakses dan dihalakan semula ke, laman web, perkhidmatan, produk, atau bahan lain, milik pihak ketiga (termasuklah Penyedia Perkhidmatan Yang Diluluskan), yang tidak diselenggara atau dikawal oleh kami (secara kolektif, "Ciri Yang Dihalakan Semula"). Sekiranya sebarang Terma Pihak Ketiga dipakai bagi Ciri yang Dihalakan Semula, anda dijangka membaca dan mematuhi Terma Pihak Ketiga ini dan Fasal 6 akan dipakai.
- 11.2 Setakat mana Ciri Selangkah menyediakan Capaian Pintas ke mana-mana Ciri Yang Dihalakan Semula, kami tidak akan bertanggungjawab ke atas ketersediaan atau kandungan Ciri Yang Dihalakan Semula ini dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan atau kerugian yang terjadi akibat daripada akses anda kepada atau penggunaan Ciri Yang Dihalakan Semula. Penggunaan Capaian Pintas dan akses kepada Ciri Yang Dihalakan Semula ini adalah risiko anda sendiri sepenuhnya. Capaian Pintas disediakan hanya sebagai kemudahan bagi anda dan tidak bermaksud sokongan oleh, kaitan atau pertalian dengan kami terhadap kandungan atau penyedia Ciri Yang Dihalakan Semula ini.
- 11.3 Memasukkan hiperpautan ke dan merangka Ciri Selangkah adalah dilarang, melainkan anda telah mendapatkan persetujuan bertulis kami sebelum itu. Jika anda mencipta hiperpautan atau merangka Ciri Selangkah, ia akan membentuk penerimaan anda terhadap Terma ini. Jika anda tidak menerima Terma ini anda perlu serta-merta berhenti memasukkan hiperpautan ke atau merangka Ciri Selangkah.
- 11.4 Kami mempunyai semua hak –
 - a) untuk memansuhkan sebarang pautan ke, atau rangka bagi, sebarang bahan yang tidak dibenarkan (termasuklah bahan yang menandakan

- sokongan daripada atau kaitan atau pertalian dengan kami, bahan yang mengandungi topik yang tidak wajar, karut, memfitnah, melanggar, lucah, tidak senonoh atau menyalahi undang-undang, nama atau maklumat yang melanggar sebarang undang-undang bertulis, sebarang hak milik intelektual yang terpakai, hak milik, privasi atau hak publisiti); dan
- b) untuk tidak menuntut tanggungjawab dan/atau liabiliti bagi bahan yang mengaitkan atau merangka mana-mana bahagian Ciri Selangkah.

12 Kenyataan Privasi

- 12.1 Semasa penggunaan Selangkah atau Ciri Selangkah anda, kami mungkin dikehendaki mengumpul, menyimpan, menggunakan mendedahkan atau memproses data peribadi milik anda, atau yang mungkin berkaitan dengan individu pihak ketiga dan yang disediakan kepada anda. Dalam hal ini, kami akan kumpul, guna, simpan, dedah atau proses data peribadi berkenaan mengikut kenyataan privasi yang boleh dijumpai di atau melalui Selangkah Website dan Selangkah Mobile ("**Kenyataan Privasi**").
- 12.2 Sila rujuk Kenyataan Privasi kami untuk maklumat lanjut. Dengan menggunakan Selangkah atau Ciri Selangkah, anda akui bahawa anda telah membaca dan memahami Kenyataan Privasi kami, dan anda setuju dengan terma di dalam Kenyataan Privasi itu sepertimana ia mungkin akan dipinda dari masa ke masa. Kenyataan Privasi ini membentuk sebahagian daripada Terma ini.
- 12.3 Untuk mengelakkan keraguan, SELANGKAH mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("PDPA") bilamana data peribadi milik anda, atau yang mungkin berkaitan dengan individu pihak ketiga dan disediakan kepada anda, mungkin akan dikumpul, digunakan, didedahkan dan/atau diproses untuk tujuan yang dinyatakan dalam Kenyataan Privasi, termasuklah sebarang tujuan yang akan dimaklumkan oleh kami kepada anda dari masa ke masa.

13 Fi

- 13.1 Kami berhak untuk memperkenalkan fi baharu dari masa ke masa. Kami tidak bertanggungjawab untuk sebarang fi yang dikenakan oleh laman web Internet, aplikasi, perisian, perkhidmatan, produk lain, ataupun yang bukan disediakan oleh kami.

14 Kemaskini

- 14.1 Dari masa ke masa, kami mungkin akan mengeluarkan, melepaskan atau menyediakan kemaskini atau naik taraf kepada, atau versi baharu, Selangkah atau Ciri Selangkah ("Kemaskini"). Kemaskini ini mungkin berlaku atau dilaksanakan secara automatic, atau mungkin memerlukan tindakan anda. Sila maklum bahawa Selangkah dan Ciri Selangkah mungkin tidak boleh beroperasi dengan betul atau langsung jika Kemaskini tidak dipasang atau dilaksanakan oleh anda. Bagi mengelakkan keraguan, kami tidak menjamin bahawa Kemaskini ini akan tersedia untuk, atau Kemaskini akan kekal serasi dengan Peranti sedia ada anda atau sistem operasinya.

15 Penyerahan Hak

- 15.1 Anda tidak boleh memberi atau menyerahkan kontrak Terma ini tanpa persetujuan bertulis daripada kami terlebih dahulu.

15.2 Kami mungkin memberikan, menggantikan, memindahkan atau menyerahkan kontrak hak dan liabiliti berkenaan dengan Selangkah, Ciri Selangkah atau Terma ini, tanpa memaklumkan anda dan tanpa rujukan seterusnya kepada anda. Penerimaan anda terhadap Terma ini akan menjadi keizinan anda bagi pemberian, pemulaan, pemindahan atau penyerahan kontrak ini.

16 Undang-Undang yang berkuatkuasa dan Penyelesaian Pertikaian

16.1 Terma ini dan Penggunaan Selangkah dan Ciri Selangkah akan dikawal dan ditafsirkan berpandukan undang-undang Malaysia.

16.2 Terikat kepada Fasal 16.3, sebarang pertikaian yang timbul atau berkaitan dengan Terma ini atau Penggunaan Selangkah atau Ciri Selangkah, termasuklah sebarang persoalan mengenai kewujudan, kesahihan atau pembatalan Terma ini, akan dirujuk kepada dan akhirnya diselesaikan di dalam mahkamah Malaysia dan anda kemukakan kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.

16.3 Kami mungkin, mengikut budi bicara kami, merujuk sebarang pertikaian yang disebut dalam Fasal 16.2 kepada penimbangtaraan yang dilaksanakan oleh Asian International Arbitration Centre ("**AIAC**") di Malaysia berdasarkan Syarat Timbang Tara AIAC ("**Syarat AIAC**") buat masa ia berkuatkuasa, yang mana peraturannya dianggap telah digabungkan dengan rujukan dalam fasal ini. Selanjutnya –

- a) tempat timbang tara adalah Malaysia;
- b) tribunal ini akan merangkumi satu (1) penimbang tara yang akan dipersetujui berdasarkan Syarat AIAC, kecuali jika tiada persetujuan telah dicapai dalam tiga puluh (30) hari kalendar selepas penerimaan cadangan oleh satu parti daripada parti yang lagi satu, penimbang tara akan dilantik oleh Pengerusi AIAC;
- c) bahasa timbang tara adalah Bahasa Inggeris; dan
- d) semua maklumat, permohonan, dokumen, bukti dan semua hal berkenaan dengan timbang tara ini adalah sulit.

16.4 Jika kami merupakan defenden atau responden, kami akan ada sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari kalendar sebelum tamatnya sebarang tindakan undang-undang terhadap kami untuk menggunakan hak di bawah Fasal 16 bagi mengemukakan pertikaian tersebut kepada penimbangtaraan. Hak untuk melantik ini tidak akan mengehendak hak kami kepada pengehadan pembelaan dan tempoh untuk menggunakan hak ini tidak akan disingkatkan atas sebab sebarang keakruan pengehadan pembelaan bagi pihak kami dalam tempoh yang disebutkan.

17 Lain-lain

17.1 Sebarang penamatan Akaun anda, penggunaan Selangkah atau Ciri Selangkah di bawah Terma-Terma ini (walau bagaimana sekalipun) tidak akan menjejaskan penguatkuasaan atau sambungan penguatkuasaan sebarang peruntukan bagi Terma-Terma ini yang dinyatakan secara tersurat atau secara tersiratnya bertujuan untuk berkuatkuasa atau terus berkuatkuasa pada atau selepas penamatan berkenaan.

17.2 Jika mana-mana peruntukan bagi Terma ini dianggap oleh mahkamah atau tribunal bidang kuasa kompeten sebagai tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, jadi Terma-Terma ini, termasuklah semua peruntukan yang

selebihnya, akan kekal berkuatkuasa seolah-olah peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tadi tidak pernah termasuk sekali.

- 17.3 Tiada kelewatan oleh kami dalam menguatkuasakan sebarang peruntukan bagi Terma ini akan ditafsirkan sebagai penepian untuk sebarang hak kami di bawah peruntukan berkenaan.
- 17.4 Sebarang notis yang kami berhasrat untuk berikan kepada anda mungkin dipaparkan di Selangkah Website, Selangkah Mobile, atau dihantarkan kepada anda menerusi mana-mana maklumat perhubungan yang anda pernah sediakan kepada kami melalui Akaun anda atau sebaliknya. Anda dianggap telah menerima notis ini pada ketika kami menyiarkan atau menghantar notis tersebut kepada anda.

Lampiran 1

Terma Tambahan untuk Selangkah ID

1 Tafsiran

- 1.1 Terma berhuruf besar yang digunakan tetapi tidak didefinisikan di dalam Lampiran 1 ini mempunyai makna yang diberikan kepada mereka di dalam bahagian utama Terma ini.
- 1.2 Di dalam Lampiran 1 –

“Saluran Penerima Yang Diluluskan” bermaksud sebarang dan semua antara muka bagi Penerima Yang Diluluskan, termasuklah laman web, laman web, aplikasi, platform dalam talian atau elektronik atau lokasi, tempat atau sumber dalam talian atau elektronik lain.
- 1.3 Kecuali dinyatakan dengan jelas di bahagian utama Terma ini, jika berlakunya konflik atau ketakkonsistenan di antara peruntukan di bahagian utama Terma ini dan peruntukan di Lampiran 3, peruntukan di bahagian utama Terma akan kekal.

2. Syarat Tambahan untuk Selangkah ID

- 2.1 Melalui Selangkah ID, anda boleh menggunakan kemudahan pra-isi dengan efisien e-borang, laman atau skrin pendaftaran pengguna di Saluran Penerima Yang Diluluskan dengan maklumat Data Profil daripada Akaun anda, untuk anda kongsi dengan Penerima Yang Diluluskan. Apabila anda menggunakan Selangkah ID, sila maklum bahawa anda akan membenarkan Selangkah ID untuk pra-isi Data Profil anda pada e-borang, laman atau skrin pendaftaran pengguna di Saluran Penerima Yang Diluluskan. Khususnya, perkara berikut harus diperhatikan –
 - 2.1.1 untuk menggunakan Selangkah ID, anda perlu log masuk menggunakan Log Masuk Tauliah anda sebagai sebahagian daripada proses mengaktifkan Selangkah ID;
 - 2.1.2 apabila Selangkah ID diaktifkan, ia akan pra-isi e-borang atau laman atau skrin pendaftaran pengguna di Saluran Penerima Yang Diluluskan dengan maklumat Data Profil anda;
 - 2.1.3 **Pra-isi automatik:** dengan Penerima Yang Diluluskan yang tertentu, Selangkah ID pra-isi secara automatik e-borang atau laman atau skrin pendaftaran pengguna di Saluran Penerima Yang Diluluskan dengan maklumat Data Profil anda, setelah anda log masuk ke dalam Saluran Penerima Yang Diluluskan dengan menggunakan Log Masuk Tauliah anda. Jika anda ingin membuang maklumat pra-isi berkenaan, sila padamkannya secara manual;
 - 2.1.4 anda harus pastikan bahawa semua maklumat yang anda sediakan adalah tepat sebelum menghantarkannya di dalam e-borang atau laman atau skrin pendaftaran pengguna kepada Penerima Yang Diluluskan;
- 2.2 Anda faham dan setuju yang anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa Data Profil anda adalah lengkap, tepat, benar dan betul pada setiap masa.

- 2.3 Apabila anda membenarkan Selangkah ID untuk pra-isi e-borang atau laman atau skrin pendaftaran pengguna milik Saluran Penerima Yang Diluluskan dengan maklumat Data Profil anda, anda bersetuju yang anda bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan bahawa semua Data Profil yang dihantar berkenaan dengan permintaan Penerima Yang Diluluskan untuk maklumat anda adalah lengkap, tepat, benar dan betul. Anda akan bertanggungjawab untuk sebarang dan semua kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang menimpa anda, kami atau mana-mana pihak ketiga, yang timbul akibat atau berkaitan dengan data peribadi tidak lengkap, tepat, benar atau betul dan kami tidak akan bertanggungjawab terhadap kerugian, kos, perbelanjaan atau kerosakan ini. Kecuali di mana sebaliknya yang nyata disediakan di dalam Terma, anda akui bahawa kami tidak akan bertanggungjawab terhadap keselamatan, kesahihan, keutuhan atau kesulitan berkenaan dengan sebarang transaksi dan komunikasi lain yang melibatkan anda melaksanakan Pra-isi Data Profil menerusi penggunaan Selangkah ID. Anda akui bahawa Data Profil yang dikongsi dengan Penerima Yang Diluluskan mungkin mempunyai risiko untuk diganggu atau di Capaian Pintas oleh pihak-pihak ketiga. Anda bersetuju untuk mengambil Langkah wajar bagi memastikan data peribadi, perisian dan peralatan anda selamat. Ini termasuklah mengosongkan *cookie* pelayar Internet dan *cache* sebelum dan selepas menggunakan Selangkah ID.
- 2.4 Anda akui bahawa kami tidak terlibat dalam dan tidak bertanggungjawab untuk sebarang transaksi atau komunikasi yang dibuat di antara anda dan Penerima Yang Diluluskan. Anda akui juga bahawa anda tidak mempunyai hak atau tuntutan terhadap kami dalam sebarang transaksi atau komunikasi di antara anda dan Penerima Yang Diluluskan yang melibatkan penggunaan Selangkah ID. Kami tidak menyokong mahupun menganggap sebarang tanggungjawab terhadap Penerima Yang Diluluskan dan kandungan dalam Saluran Penerima Yang Diluluskan. Anda akui bahawa anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk sebarang transaksi atau komunikasi dengan Penerima Yang Diluluskan yang melibatkan penggunaan Selangkah ID.

Lampiran 2

Terma Tambahan untuk Selangkah Screening

1 Tafsiran

- 1.1 Terma berhuruf besar yang digunakan tetapi tidak didefinisikan di dalam Lampiran 2 ini mempunyai makna yang diberikan kepada mereka di dalam bahagian utama Terma ini.
- 1.2 Kecuali dinyatakan dengan jelas di bahagian utama Terma ini, jika berlakunya konflik atau tiadanya konsistensi di antara peruntukan di bahagian utama Terma ini dan peruntukan di Lampiran 3, peruntukan di bahagian utama Terma akan kekal.

2. Syarat Tambahan untuk Selangkah Screening

- 2.1 Selangkah Screening ialah ciri Pihak Ketiga yang digunakan untuk memberi anda ketersediaan pilihan dalam melaksanakan ujian saringan COVID-19 sukarela sebaik sahaja anda dikenal pasti dan dimaklumkan mengenai pendedahan anda kepada pengguna lain yang telah diuji positif COVID-19. Anda diberi akses untuk menerima pemberitahuan dan anda setuju bahawa terma berikut akan terpakai serta-merta setelah anda mengaktifkan Selangkah Mobile. Untuk sebarang dan semua kandungan tersedia dan program yang disediakan di bawah Selangkah Screening, Fasal 6 dan Terma Pihak Ketiga yang relevan terpakai.
- 2.2 Anda akui dan setuju bahawa kami tidak bertanggungjawab dan tidak mempunyai kawalan terhadap kandungan Pihak Ketiga dan program yang ditawarkan dan/atau prosedur saringan Pihak Ketiga yang diakses melalui Selangkah Screening. Sekiranya berlaku ketidaktepatan atau kesalahan di dalam kandungan dan program Selangkah Screening atau sebaliknya sebarang isu yang berkaitan dengan kandungan dan program Selangkah Screening, sila hubungi Pihak Ketiga yang relevan.
- 2.3 Jika anda didapati positif COVID-19 setelah tamat ujian saringan yang diakses melalui Selangkah Screening, dengan menggunakan Selangkah Screening, anda pasti telah bersetuju untuk data peribadi yang terkandung di dalam Akaun anda termasuklah rekod kesihatan yang didapati daripada Agensi Awam dipindahkan kepada Agensi Awam relevan dan/atau Penyedia Perkhidmatan Yang Diluluskan yang mungkin menawarkan Perkhidmatan Khusus kepada anda.

Lampiran 3

Syarat Tambahan untuk Selangkah BIZ

1 Tafsiran

- 1.1 Terma berhuruf besar yang digunakan tetapi tidak didefinisikan di dalam Lampiran 3 ini mempunyai makna yang diberikan kepada mereka di dalam bahagian utama Terma ini.
- 1.2 Kecuali dinyatakan dengan jelas di bahagian utama Terma ini, jika berlakunya konflik atau ketakconsistenan di antara peruntukan di bahagian utama Terma ini dan peruntukan di Lampiran 3, peruntukan di bahagian utama Terma akan kekal.

2. Syarat Tambahan untuk Selangkah BIZ

- 2.1 Selangkah BIZ digunakan sebagai platform perniagaan dalam talian bagi Pedagang untuk menawarkan, mempamerkan dan menjual produk dan perkhidmatan mereka. Dengan menjadi seorang Pedagang, anda bersetuju untuk terikat dengan terma oleh Terma Pihak Ketiga relevan yang menawarkan Selangkah BIZ sebagai penyedia perkhidmatan kami. Sila maklum bahawa Pihak Ketiga ini mungkin akan memproses data peribadi anda sebagai Pengguna Data yang berasingan (seperti yang didefinisikan dalam PDPA).
- 2.2 Anda bersetuju untuk melindungi kami daripada semua tuduhan, tindakan, liabiliti, kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan (termasuk kos undang-undang berdasarkan ganti rugi) walau bagaimanapun ia timbul akibat atau berhubung dengan akses atau penggunaan anda kepada laman web, perisian, perkhidmatan Pihak Ketiga, atau ketidakpatuhan anda kepada Terma Pihak Ketiga atau Terma Gabungan yang menyebabkan kami atau Pihak Ketiga relevan untuk melanggar mana-mana Terma Pihak Ketiga.

Lampiran 4

Syarat Tambahan untuk POIS

1 Tafsiran

- 1.1 Terma berhuruf besar yang digunakan tetapi tidak didefinisikan di dalam Lampiran 4 ini mempunyai makna yang diberikan kepada mereka di dalam bahagian utama Terma ini.
- 1.2 Di dalam Lampiran 4 –

“**STFC**” bermaksud Selangor Task Force for Covid-19 yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mencegah perebakan virus COVID-19.
- 1.3 Melainkan dinyatakan dengan jelas di bahagian utama Terma ini, jika berlakunya konflik atau ketakkonsistenan di antara peruntukan di bahagian utama Terma ini dan peruntukan di Lampiran 4, peruntukan di bahagian utama Terma akan kekal.

2. Terma Tambahan untuk POIS

- 2.1 POIS merupakan sebuah inisiatif oleh STFC dan membolehkan Organisasi mendaftar dan membekalkan Data Profil dan data peribadi milik pekerja mereka bagi menyertai inisiatif penjejakan kontak Selangkah Exposure, Selangkah Map dan/atau Ciri Selangkah yang lain. Organisasi boleh mendaftar minat mereka terhadap skim ini melalui Selangkah.
- 2.2 Dalam tempoh anda menggunakan Selangkah atau Ciri Selangkah sebagai sebuah Organisasi, kami mungkin akan mengumpul data peribadi yang berkaitan dengan individu lain daripada anda. Dalam keadaan ini:
 - a) Anda akan, sebelum mendedahkan kepada kami data peribadi berkaitan individu lain ini –
 - (i) maklumkan individu ini (A) bahawa anda akan menyediakan data peribadinya kepada kami; dan (B) mengenai Tujuan kami mengumpulkan, menggunakan, mendedahkan dan memproses data peribadi mereka, sepertimana yang dinyatakan dalam Kenyataan Privasi ini dan seperti yang dimaklumkan oleh kami kepada anda dari masa ke masa; dan
 - (ii) mendapatkan persetujuan daripada individu yang data peribadinya sedang didedahkan, membenarkan (A) anda untuk mendedahkan data peribadi berikut kepada kami; dan (B) kami untuk mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan memproses data peribadi individu ini untuk Tujuan.
 - b) Anda mewakili dan menjamin bahawa –
 - (i) data peribadi yang anda akan sediakan kepada kami atau telah sediakan kepada kami adalah lengkap, tepat, benar dan betul; dan
 - (ii) anda mempunyai kuasa dan persetujuan yang sah daripada individu ini untuk bertindak bagi pihak mereka dan menyediakan data peribadi mereka kepada kami untuk kami kumpul, guna, dedah dan proses bagi Tujuan.